



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM 2011

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

UNDANG - UNDANG KECIL BAYARAN DENDA (LESEN)

(MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM) 2011

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 104 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Yang Dipertua Majlis Daerah Simpang Renggam, Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan tarikh berkuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bayaran Denda (Lesen) (Majlis Daerah Simpang Renggam) 2011** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Simpang Renggam

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Dasar-dasar, pekeliling dan lain-lain

2. Dasar-dasar, Pekeliling Kerajaan atau arahan-arahan bertulis daripada Yang Dipertua atau pelbagai Kementerian atau Jabatan atau Agensi Kerajaan lain yang mana difikirkan patut dan sesuai dan dipersetujui oleh Yang Dipertua hendaklah diterima pakai bersama-sama Undang-undang Kecil ini dari semasa ke semasa.

Tafsiran

3. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

”Lesen” termasuklah semua jenis lesen tahunan atau sementara yang telah diluluskan oleh Yang Dipertua yang wajib diperbaharui setiap 1 haribulan Januari tiap-tiap tahun atau setelah tamat tempoh sah lakunya suatu lesen kecuali digantung atau dibatalkan oleh Yang Dipertua;

”Majlis” ertinya Majlis Daerah Simpang Renggam;

”Pemegang lesen” ertinya orang atau syarikat yang kepadanya dikeluarkan sesuatu lesen di bawah mana-mana Undang-undang Kecil yang dibuat di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 oleh Majlis Daerah Simpang Renggam;

“Tamat tempoh lesen” ertinya lesen yang sah tempoh lakunya sehingga 31 Disember tiap-tiap tahun atau sehingga tamat tempoh sah lakunya sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Simpang Renggam dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Kesalahan

4. (1) Tiada seorang boleh menggunakan mana-mana premis untuk tujuan menjalankan mana-mana tred, perniagaan atau industri tanpa memperbaharui lesen yang dikeluarkan oleh Majlis terlebih dahulu.

(2) Tiada seorang pun pemegang lesen boleh menjalankan mana-mana tred, perniagaan atau industri tanpa memperbaharui lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua selepas tempoh pengecualian denda.

Memperbaharui lesen

5. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah memperbaharui lesen selepas tamat tempoh lesen tersebut.

Tempoh pengecualian denda

6. Yang Dipertua boleh atas budi bicaranya memberi pengecualian denda ke atas lesen-lesen yang diperbaharui mulai 1 Januari hingga 31 Mac setiap tahun atau dalam tempoh tidak lebih 3 bulan daripada tamat tempoh sah laku lesen tersebut dan tiada apa-apa pengecualian denda boleh diberikan setelah tamat tempoh tersebut.

Bayaran denda

7. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh mengenakan denda sebagaimana kadar yang dinyatakan dalam Jadual sekiranya seseorang bertindak berlawanan dengan Undang-undang kecil 3 di dalam Undang-undang Kecil ini.

JADUAL

- | | | |
|-------------------|---|--|
| (a) Denda Maksima | - | 10 kali ganda daripada kadar bayaran lesen tahunan |
| (b) Denda Minima | - | 2 kali ganda daripada kadar bayaran lesen tahunan |

Bertarikh pada : 30 Jun 2011

[MDSR/UNDG/01(A)(XXXIX)2011.Jld.1]

HAJI ABDUL KARIM BIN ABU BAKAR
Yang Dipertua
Majlis Daerah Simpang Renggam

Disahkan pada: 2011

[K.T. 24/69 Jld. 9(21); PUNJ. Bil.(PU2)7 Jld3 (54)]

HAJI MOHD HALIM BIN HASBULLAH
Jurutulis
Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor